



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

NOTIS PRIVASI

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“APDP”)

APDP telah berkuatkuasa pada 15 November 2013. Dibawah APDP, kami, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) perlu memberi notis kepada anda sebagai pelanggan kami berkenaan dengan hak-hak anda ke atas data-data peribadi anda (“Data Peribadi”) yang telah dan/atau akan anda berikan kepada kami bagi tujuan bekalan air.

DATA PERIBADI ANDA

Data Peribadi anda yang telah diambil dan mungkin akan diambil di masa hadapan adalah seperti berikut:-

- Nama
- Nombor Kad Pengenalan/Pasport
- Maklumat perhubungan, alamat premis bekalan
- Butiran terperinci seperti alamat surat menyurat, no. telefon bimbit, no. telefon, no. faks dan alamat emel
- Maklumat akaun bil air
- Data-data Peribadi yang diperolehi daripada dokumen-dokumen yang dibekalkan kepada kami termasuk tetapi tidak terhad kepada Perjanjian Jual Beli, Perjanjian Sewaan, Surat Kuasa Mentadbir, Sijil Pengesahan Wasiat, Surat Kuasa Wakil, Sijil Kelahiran dan Sijil Kematian.

PEMPROSESAN DATA PERIBADI ANDA

Data Peribadi anda akan digunakan dan diproses bagi tujuan-tujuan berikut:-

- Membekalkan air untuk premis pengguna dan lain-lain perkhidmatan
- Menyerahkan bil berkaitan ke premis
- Menyenggara pengkalan data dan proses-proses yang berkaitan dengan perkhidmatan pelanggan
- Membangunkan dan menyenggarakan sistem bekalan air
- Mendapatkan wang yang kena dibayar dan pemulihan bayaran
- Menjalankan penguatkuasaan mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006
- Berkommunikasi dengan pengguna

PENZAHIRAN DATA PERIBADI ANDA

Data Peribadi anda akan dizahirkan kepada pihak-pihak dan bagi tujuan berikut:-

- Kontraktor/Tukang Paip
- Agen Pengutip Hutang
- Penyedia Perkhidmatan Pemproses Data
- Lain-lain Pemegang Lesen Air
- Pemegang Lesen Pembentungan
- Mana-mana badan kawal selia, atau ejen penguatkuasa atau mana-mana perseorangan yang berhak disebabkan Perintah Mahkamah atau proses perundangan
- Firma Guaman yang dilantik untuk mempertahankan dan memelihara hak-hak dan harta benda Pengguna Data atau kakitangannya
- Gudang data perkhidmatan/Penyedia Perkhidmatan Informasi dan Teknologi/Agen Analisis Data
- Mana-mana perseorangan yang dimaklumkan dan diberikuasa oleh Subjek Data
- Mana-mana perseorangan yang hendak menyelesaikan aman tunggakan berkaitan perkhidmatan Pengguna Data kepada Subjek Data
- Penasihat Pengguna Data termasuk tetapi tidak terhad kepada akauntan, juruaudit, dan penasihat profesional.
- Anak syarikat milik penuh atau ahli gabungan syarikat afiliasi Pengguna Data
- Kakitangan keselamatan dan sekuriti Pengguna Data
- Syarikat atau organisasi yang membantu Pengguna Data dalam memberi perkhidmatan kepada Subjek Data
- Pihak dimana Pengguna Data boleh pindahkan hak dan kewajipan atas perjanjian yang dimasuki dengan Subjek Data
- Anak syarikat atau ahli gabungan syarikat afiliasi Subjek Data

AKSES, PEMBETULAN DAN ADUAN

Anda boleh pada bila-bila masa (tertakluk kepada fi) mengemukakan pertanyaan bertulis meminta akses kepada, membuat pembetulan, atau menghadkan pemprosesan terhadap Data Peribadi atau untuk apa-apa aduan kepada Pegawai Pematuhan Perlindungan Data PBAPP ke alamat dan emel seperti berikut :-

Pegawai Pematuhan Perlindungan Data Peribadi
PBAPP Sdn Bhd
Tingkat 33, Menara KOMTAR
10000, Jalan Penang, Pulau Pinang
Emel : dpo@pba.com.my

Notis ini juga disediakan di dalam versi Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat konflik antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

**Dato' Ir. Pathmanathan K.
Ketua Pegawai Eksekutif**